KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	22.09.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	JMG			

Volkano lumpur bukan petanda bencana: Pakar

Kota Kinabalu: Letusan gunung berapi lumpur yang berlaku di Taman Hidupan Liar Tabin, Lahad Datu, Ahad lalu, bukan petanda bencana seperti letusan gunung berapi boleh berlaku di Sabah.

Salah faham mengenai 'gunung berapi' itu dijelaskan dua Felo Penyelidik Geologi Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Dr Hardianshah Saleh dan Prof Dr Baba Musta sebagai menjawab pelbagai pertanyaan awam berhubung fenomena itu.

Menerusi kenyataan semalam, penyelidik geologi UMS itu berkata, letusan gunung berapi lumpur atau volkano lumpur adalah fenomena yang biasa berlaku di Sabah dan kewujudannya boleh ditemui di beberapa kawasan di negeri ini.

"Namun apa yang lebih penting adalah fenomena volkano lumpur bukan suatu petanda bencana seperti letusan gunung berapi boleh berlaku pada masa terdekat," katanya.

Berdasarkan peta lokasi volkano lumpur yang dikongsikan NDRC, selain di Tabin, kewujudan gunung berapi lumpur juga ditemui di beberapa tempat di Sandakan dan Kunak di pantai timur manakala di daerah Kuala Penyu bagi kawasan pantai barat.

Secara geologinya, kedua-dua penyelidik itu menerangkan bahawa volkano lumpur bukan fenomena yang sama dengan letusan gunung berapi.

"Walaupun istilah volkano secara terjemahannya adalah letusan gunung berapi, namun volkano lumpur ini jauh sekali daripada memuntahkan bahan cairan lava seperti letusan gunung berapi yang umum ketahui.

> "Volkano lumpur bukanlah suatu petanda bencana seperti letusan gunung berapi"
> Dr Hardianshah

"Volkano lumpur hanya 'meminjam' istilah volkano untuk menjelaskan mekanisme bahan lumpur yang dipaksa keluar daripada bawah tanah untuk ke permukaan," katanya.

Sementara itu, Pengarah NDRC UMS, Prof Madya Dr Carolyn Melissa Payus berkata, penerangan yang lebih jelas dan saintifik mengenai fenomena itu penting terutama daripada pusat penyelidikan seperti NDRC agar tidak menimbulkan kebimbangan pihak awam.

"NDRC bukan setakat sebagai pusat rujukan untuk orang awam, tetapi juga sebagai 'focal point' untuk penyelidikan yang berkait dengan sains alam sekitar dan bencana serta pengurusannya terutama di Sabah," katanya.